

## **ISLAM HADHARI JAMIN KELANGSUNGAN PERADABAN**

Abd. Wahid Jais  
*Universiti Malaya*

### **Pendahuluan**

Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di PWTC pada 23 September 2004 telah menegaskan bahawa "Islam Hadhari memberi penekanan kepada pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban. Peradaban yang dicanai dengan pegangan Islam dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan (kehidupan berkualiti). Mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan serta pembangunan fizikal. Mempertingkatkan mutu kehidupan dengan mengamalkan sistem ekonomi, sistem perdagangan dan sistem kewangan yang dinamik."

Dengan berpandukan kepada kenyataan tersebut, kertas kerja ini cuba mengupas kepentingan sepuluh prinsip utama Islam Hadhari dan kaitannya dengan kelangsungan peradaban manusia. Sepuluh prinsip utama Islam Hadhari yang akan dikupas adalah seperti berikut:

1. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t.
2. Kerajaan adil dan beramanah.
3. Rakyat berjiwa merdeka.
4. Penguasaan ilmu pengetahuan.
5. Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif.
6. Kehidupan berkualiti.
7. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita.
8. Keutuhan budaya dan moral.
9. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi.
10. Kekuatan Pertahanan dan Perpaduan.

### **Kerangka Perbincangan Dan Penakrifan**

Sebelum perbincangan lebih lanjut dibuat, adalah dirasakan wajar untuk kita memahami apakah yang dimaksudkan dengan tamadun/peradaban dan Islam Hadhari. Penakrifan ini perlu dilakukan memandangkan kertas kerja ini akan melihat dan mengupas prinsip-prinsip yang terdapat dalam Islam Hadhari dari pendekatan peradaban. Dari sudut peradaban pula kerangka perbincangan hanya dihadkan kepada perkembangan/kemajuan dan kemerosotan peradaban dan tidak membincangkan dari sudut kemunculan, interaksi mahupun dialog peradaban.

Skop perbincangan hanya berkisar kepada faktor-faktor perkembangan/kemajuan dan kemerosotan peradaban adalah dirasakan wajar kerana penekanan Islam Hadhari seperti mana yang dinyatakan di atas adalah menjurus kepada pembinaan peradaban. Terdapat lima faktor perkembangan sesebuah peradaban iaitu kedudukannya yang strategik, rangsangan daripada keagamaan dan kerohanian, penghayatan yang tinggi terhadap moral dan nilai yang terpuji, kesengsaraan hidup dan toleransi yang tinggi terhadap sumbangan peradaban-peradaban lain. Sementara itu terdapat juga lima faktor yang memungkinkan kemerosotan sesebuah peradaban iaitu berlakunya ketidakadilan dengan wujudnya jurang perbezaan yang ketara, berleluasanya penindasan dan kezaliman sehingga persoalan hak-hak kemanusiaan telah diketepikan, berlakunya keruntuhan moral dan nilai dalam masyarakat, wujudnya sikap tertutup yang tidak mahu menerima perubahan dan berlakunya malapetaka atau bencana alam.

Kertas kerja ini hanya membincangkan perkara di atas berdasarkan dua sebab. Pertama perbincangan ini merupakan perbincangan awal tentang Islam Hadhari dalam kerangka ilmu ketamadunan. Kedua, barangkali perbincangan yang lebih lanjut dan terperinci boleh dilakukan dalam medium yang lain kerana ilmu ketamadunan itu mempunyai ruang skop yang besar dan luas yang merangkumi semua aspek kehidupan. Ini kerana pelbagai pendekatan boleh diambil dari pelbagai

disiplin untuk mengkaji sesebuah peradaban. Di samping itu selain daripada perspektif dan disiplin, pengajian peradaban juga dipengaruhi oleh teori-teori tertentu mengenai peradaban manusia.

**(a) Takrif Tamadun**

Perkataan tamadun sering digunakan untuk menggambarkan kemajuan kebendaan sesebuah masyarakat. Dari perspektif semasa pula, perkataan tamadun selalunya merujuk kepada pencapaian yang tinggi dalam sains dan teknologi selari dengan penonjolannya dalam Tamadun Barat pada zaman ini. Perkataan tamadun berasal dari perkataan *maddana* dalam bahasa Arab yang bermaksud atau merujuk kepada perbuatan membuka bandar atau kota serta perbuatan memperhalusi budi pekerti. Perkataan bahasa Arab lain yang turut digunakan untuk mentakrifkan tamadun ialah *hadarah* yang berasal daripada perkataan *hadara* yang merujuk kepada perbuatan duduk di bandar dan perilaku kehidupan yang tinggi. Tamadun juga sering disamakan pengertiannya dengan peradaban yang bermaksud keadaan dan tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani dalam sesebuah bangsa dan masyarakat.

Ibnu Khaldun menggunakan istilah *umran* yang bermaksud kemakmuran, kemajuan atau kawasan yang makmur iaitu daripada kata kerja *amara* yang bermaksud mendiami sesuatu tempat dan memakmur atau mengimarahkannya dengan kemajuan dan keamanan. Tamadun juga bermaksud peradaban (daripada akar kata adab) yang membawa maksud keadaan serta tahap kemajuan dalam kehidupan jasmani, rohani dan kebendaan bagi sesuatu bangsa atau masyarakat (Hashim Musa, 2001 : 24).

Secara lebih sempurna, tamadun boleh ditakrifkan sebagai sejumlah pencapaian dan pembangunan dalam segala perlakuan, pemikiran dan kemajuan seperti sains dan teknologi, kesenian, kesusasteraan dan lain-lain yang tinggi, baik, halus dan sopan ke arah pembentukan peribadi dan komuniti yang memiliki personaliti, tatasusila dan budi pekerti yang terpuji seterusnya membentuk sebuah masyarakat atau negara bangsa (Azharudin Mohd. Dali, 2000 : 5). Berdasarkan kepada pengertian-pengertian yang dikemukakan, konsep ketamadunan sepatutnya dilihat dari perspektif yang luas meliputi pencapaian tatasusila dan moral yang tinggi serta kemajuan penempatan dan kemudahan yang sempurna. Bagaimanapun, konsep ketamadunan yang sering difahami oleh masyarakat manusia hari ini lebih menjurus kepada perkara yang berkaitan dengan kemajuan penempatan dan kemudahan yang sempurna semata-mata. Lebih buruk daripada itu, tanggapan terhadap kemajuan penempatan dan kemudahan disempitkan lagi kepada persoalan kebendaan yang menjadi simbol kemewahan.

**(b) Takrif Islam Hadhari**

Apakah yang dimaksudkan dengan Islam Hadhari? Islam Hadhari adalah gabungan dari dua kalimah Bahasa Arab iaitu Islam dan Hadhari (sifat). Asal perkataan Hadhari ialah *Hadharun - Hadharatun* (Hidup di Bandar) yang membawa maksud membangun, maju ataupun bertamadun yakni lawan kepada perkataan *badawah* (pendalam atau kemunduran). Bertolak daripada kata dasar tersebut maka perkataan *hadharah* ataupun sifatnya *hадхарі* bolehlah ditakrifkan sebagai hasil tindakbalas antara manusia dengan alam dan kehidupan sekitarnya melalui usaha yang dilakukan oleh manusia sendiri bagi memperbaiki kedudukan kehidupannya di dunia secara fizikal dan spiritual mengikut keperluan dan peredaran semasa.

Pengertian *hadharah* (*hadharatun*) itu semakin luas skopnya apabila komuniti manusia itu semakin jauh daripada corak hidup kependalam, serta apabila mereka mula terabit dengan gaya hidup masyarakat maju yang progresif dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian zaman dan tempat. Oleh itu *hadharah* ataupun tamadun adalah hasil-hasil usaha yang dilakukan oleh manusia untuk mengeksplorasi unit-unit alam yang berada di sekitarnya. Tujuannya ialah untuk merealisasikan segala keperluan dalam masyarakat manusia serta menyebarkan luas faktor-faktor kebaikan dan kebahagiaan di kalangan manusia sejagat.

**Prinsip-Prinsip Utama Islam Hadhari**

Islam Hadhari menekankan kepada peradaban kerana peradaban itu merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Malah kalau kita perhatikan istilah ini telahpun digunakan oleh para ilmuan Islam sejak dahulu lagi seperti Ibnu Khaldun dalam kitab agungnya *al-Muqadimmah* dan juga Malek Bennabi yang cenderung menggunakan istilah *hadhara* yang dikatakan hampir kepada maksud

keseimbangan kemajuan antara aspek kebendaan dengan akhlak dan kerohanian. Kenapakah Islam Hadhari diperkenalkan? Islam Hadhari diperkenalkan kerana suasana dunia Islam pada hari ini telah dilabelkan dengan pelbagai label yang semuanya berunsurkan negatif. Sedangkan pada hakikatnya umat Islam suatu ketika dahulu merupakan umat yang telah mencapai kecemerlangan dan kegemilangan dalam peradaban yang dibinanya.

Untuk mengembalikan status supaya umat Islam kembali dihormati, perubahan perlu dilakukan demi membangkitkan kesedaran tentang pentingnya membina kembali peradaban yang suatu ketika dahulu pernah mentadbir dunia. Oleh itu kita dapat dalam mengembalikan kecemerlangan dan kegemilangan peradaban umat Islam, kerajaan telah memperkenalkan sepuluh prinsip Islam Hadhari yang boleh dijadikan pendekatan dalam menjana kemajuan dan pembangunan umat Islam.

### **1. Keimanan Dan Ketaqwaan Kepada Allah S.W.T**

Dikatakan unsur utama yang membezakan antara sebuah peradaban dengan peradaban yang lain ialah pandangan semesta atau (world-view). Apakah yang dimaksudkan dengan pandangan semesta? Secara umumnya, ia merupakan satu konsep mengenai alam semesta secara keseluruhan terutamanya dilihat melalui satu sudut pandangan yang dipengaruhi oleh satu sistem nilai yang tertentu. Syed Naquib al-Attas menyatakan pandangan semesta Islam merangkumi dunia dan akhirat yang mana aspek dunia merupakan persediaan bagi aspek akhirat. Oleh itu pandangan semesta dari perspektif Islam ialah pandangan tentang realiti atau hakikat yang terjelma dari mata hati manusia mengenai kewujudan seluruh alam (Hashim Musa, 2001 : 27).

Berdasarkan konsep pandangan semesta di atas, kita boleh bahagikan peradaban manusia kepada empat jenis utama seperti mana yang dilakukan oleh sarjana Islam Sayyed Abul Hasan Ali Nadwi iaitu peradaban materialistik, peradaban intelektual, peradaban mistik dan peradaban berasaskan wahyu (Hashim Musa, 2001 : 28). Dalam konteks prinsip pertama Islam Hadhari ini, ianya selari dengan Islam kerana Islam merupakan satu-satunya peradaban yang berasaskan kepada wahyu yang mana mempunyai pandangan semesta yang amat berbeza dengan peradaban-peradaban yang bersifat materialistik, intelektual dan mistik.

Bagi orang Islam pendekatan Islam Hadhari meletakkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.a.w sebagai teras utama di mana al-qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w sebagai teras rujukan dan pegangannya. Keimanan dan ketaqwaan hanya kepada Allah s.w.t dan hubungan manusia dengan penciptaNya merupakan matlamat yang terpenting dan terakhir untuk dituju dalam kehidupan. Inilah hubungan yang paling tinggi berbanding dengan hubungan-hubungan lain seperti hubungan dengan keluarga, kaum, bangsa, kebendaan dan sebagainya.

Hubungan dengan Allah s.w.t merupakan perhubungan yang tertinggi, unggul, kudus, bahagia dan suci murni. Perhubungan dengan Allah s.w.t adalah setinggi-tinggi martabat perhubungan yang melahirkan suatu kenikmatan tidak terhingga kepada jiwa yang bersih dan suci. Oleh itu, hubungan manusia dengan Allah s.w.t adalah suatu bentuk hubungan yang berkekalan dan mutlak serta tidak dapat dibandingkan dengan sebarang bentuk hubungan lain (Abd. Aziz Mohd. Zin, 2001 : 25). Gabungan kemantapan akidah (kepercayaan), syariah (perundangan), akhlak, moral dan nilai-nilai murni adalah teras perancangan dan pelaksanaan pembangunan diri dan pengurusan sistem untuk mencapai umat yang berkualiti dan negara yang cemerlang. Dengan adanya keimanan dan ketaqwaan maka kita berada dalam landasan yang benar kerana keimanan dan ketaqwaan yang benar selalunya dibuktikan oleh seorang mukmin dalam bentuk melaksanakan perintah dan suruhan Allah s.w.t dan meninggalkan laranganNya, baik dalam keadaan senang mahupun susah, dalam keadaan sendiri mahupun dalam hidup bermasyarakat dan seterusnya dalam konteks negara dan peradaban.

### **2. Kerajaan Adil Dan Beramanah**

Prinsip kedua Islam Hadhari ialah kerajaan adil dan beramanah. Peradaban akan maju dan berkembang dengan adanya sistem kerajaan yang memerintah dengan adil dan amanah. Dalam konteks kerajaan adil dan beramanah, kita tidak dapat lari dari membincangkan tentang pemimpin dan kepimpinan. Kepimpinan sangat ditekankan oleh Islam kerana ia merupakan antara faktor yang mempengaruhi ke arah peningkatan atau keruntuhan sesebuah peradaban. Ibnu Khaldun mengatakan bahawa peningkatan ataupun keruntuhan sesebuah peradaban mempunyai pertalian dengan sesuatu yang diistilahkan sebagai almalik/raja/pemimpin. Kepentingan kepimpinan dalam menentukan berkembang atau sebaliknya peradaban ialah melalui penguasaan pimpinan terhadap sistem kerajaan

yang adil, beramanah, beretika, dipercayai dan sebagainya yang merupakan asas peningkatan dan berkembangnya sesebuah peradaban.

Islam membawa mesej keadilan bagi seluruh umat manusia dan bukan merujuk kepada orang Islam sahaja. Keadilan berasal daripada perkataan adil yang bermaksud pertimbangan yang wajar, tidak memihak kepada mana-mana dan tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya. Keadilan merujuk kepada perbuatan dan tindakan yang wajar dan boleh diterima oleh orang lain (Abd. Aziz Mohd. Zin, 2001 : 111). Islam melihat keadilan secara menyeluruh kerana keadilan mutlak adalah syiar bagi peraturan Islam dan menjadi lambang kesucian agama Islam.

Keadilan merupakan asas bagi setiap penyusunan perseorangan, masyarakat atau negara. Berdasarkan kenyataan ini, keadilan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu keadilan undang-undang, keadilan sosial (masyarakat) dan keadilan sejagat (antarabangsa) (Abd. Aziz Mohd. Zin, 2001 : 121). Oleh itu kita dapatkan prinsip kedua Islam Hadhari iaitu kerajaan adil dan beramanah bukan sahaja selaras dengan ajaran Islam tetapi juga ianya menjamin kelangsungan peradaban manusia. Ini kerana ianya terdapat dua faktor yang boleh menyebabkan peradaban itu merosot dan musnah iaitu pertama apabila berlakunya ketidakadilan dengan wujudnya jurang perbezaan yang begitu ketara antara golongan kaya dengan miskin dan kedua berleluasannya penindasan dan kezaliman sehingga persoalan hak-hak kemanusiaan telah diketepikan sama sekali.

Berdasarkan kepada prinsip kedua Islam Hadhari tersebut, kita mendapati kerajaan menyedari bahawa konsep kerajaan yang adil dan beramanah perlu ditekankan dan diutamakan dalam mentadbir negara. Ini kerana kerajaan yang adil dan beramanah iaitu yang berupaya menuaikan segala tanggungjawab dan kewajipan akan dapat menjamin kelangsungan peradaban.

### **3. Rakyat Berjiwa Merdeka**

Sama ada disedari atau tidak, cabaran bagi peradaban Islam ialah dunia Barat. Kesan pengaruh Barat ke atas masyarakat Islam sangat mendalam sehingga hampir menghilangkan sama sekali ciri-ciri jatidiri bagi seorang Islam. Ini kerana pengaruh Barat ke atas seluruh bangsa manusia berpunca daripada sejarah penjajahan yang panjang. Penjajahan Barat mempunyai kesan yang mendalam ke atas masyarakat Islam sehingga merubah struktur ekonomi, institusi politik dan nilai budaya. Disebabkan penjajahan Barat begitu kuat pengaruhnya, masyarakat di bawah penjajahan tersebut mengalami perasaan rendah diri yang ketara, malah meninggalkan serta meminggirkan sejarah dan warisan bangsa mereka (Abd. Aziz Mohd. Zin, 2001 : 418).

Walaupun negara Islam telah mencapai kemerdekaan tetapi kesan pemerintahan dan dominasi penjajahan masih ketara dalam pelbagai bidang. Kebebasan yang sepatutnya wujud pada sesebuah negara/masyarakat dalam menentukan haluan kehidupan dan masa depan telah dikongkong oleh pelbagai bentuk dominasi yang baru. Oleh itu penekanan kepada prinsip ketiga iaitu rakyat berjiwa merdeka merupakan satu tindakan yang amat kena pada masanya dalam usaha membangunkan kembali kecemerlangan peradaban.

Rakyat hendaklah mengatasi belenggu pemikiran yang terjajah, bersikap terbuka kepada kemajuan dan perubahan, tidak bersikap jumud dalam menghasilkan pemikiran baru, berdaya maju dan menolak amalan-amalan negatif yang boleh menyebabkan jiwa terus terbelenggu. Rakyat yang berjiwa merdeka bukanlah rakyat yang terlepas daripada peraturan undang-undang dan etika, sebaliknya asas-asas seperti mana dalam prinsip pertama Islam Hadhari iaitu keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t hendaklah digunakan sebagai landasan membangunkan masyarakat dan negara yang teguh dan kukuh. Dengan adanya rakyat yang berjiwa merdeka, setiap potensi yang ada pada rakyat dapat digembelingkan untuk memajukan negara dan dalam masa yang sama semangat patriotisme tetap kukuh dalam diri mereka untuk mempertahankan dan melindungi negara yang mereka cintai. Secara tidak langsung setiap rakyat yang berjiwa merdeka akan berusaha untuk memajukan diri dan negara demi kelangsungan peradaban.

### **4. Penguasaan Ilmu Pengetahuan**

Al-Quran merupakan mukjizat yang paling utama berhubung dengan ilmu pengetahuan. Ini terbukti pada ayat pertama yang diturun oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w yang memberikan penekanan kepada nilai-nilai tauhid, keutamaan pendidikan dan cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.

Al-Quran menganjurkan manusia supaya berilmu dan berbudaya ilmu. Mengapa iqra' merupakan perintah pertama yang ditujukan kepada Nabi, pada hal Baginda s.a.w. seorang yang ummi (tidak pandai membaca dan menulis)? Sesungguhnya perintah membaca merupakan sesuatu yang paling berharga yang pernah dan dapat diberikan kepada umat manusia. Membaca dalam aneka maknanya adalah syarat pertama dan utama pengembangan ilmu serta syarat utama membangunkan peradaban.

Oleh itu kita dapat dalam prinsip keempat Islam Hadhari, kerajaan telah menekankan dan menyarankan umat Islam supaya dapat mengamalkan kembali budaya ilmu dalam kehidupan. Mereka mesti meletakkan kembali martabat dan kepentingan ilmu pada tempatnya yang sebenar sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Allah s.w.t dan juga Rasullulah s.a.w serta sebagaimana yang telah berlaku dalam tradisi keilmuan Islam. Bagi sarjana Islam terdahulu, belajar dan mengajar ilmu kepada orang lain merupakan satu pencapaian tertinggi lebih-lebih lagi sekiranya ilmu tersebut adalah ilmu yang berkaitan dengan agama (Azizan Baharuddin, 1986 : 4).

Dalam tradisi Islam, peranan dan kepentingan yang dimainkan oleh ilmu adalah amat besar sekali. Peranan ini terbukti sejak zaman Rasullulah s.a.w sehingga keagungan peradaban Islam di mana ilmu pengetahuan telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Kepentingan ilmu dalam peradaban Islam juga dapat kita lihat dengan munculnya ramai sarjana Islam yang telah mencebur pelbagai bidang ilmu pengetahuan di mana kesarjanaan mereka ini bukan sahaja diiktiraf oleh Islam tetapi juga oleh Barat sendiri (Ahmad Hasbullah, 1993 : 26).

Namun situasi sebegini tidak lagi wujud pada hari ini. Umat Islam tidak lagi mementingkan konsep budaya ilmu yang sebenar-benarnya dalam kehidupan mereka. Masyarakat Islam kini lebih mementingkan kemajuan dan kemewahan hidup dari aspek kebendaan semata-mata. Pada hal ilmu pengetahuanlah merupakan harta yang paling berharga kepada manusia. Pembinaan budaya ilmu yang bersepadan dan jitu merupakan prasyarat awal dan terpenting bagi kejayaan, kekuatan dan kebahagiaan seseorang, sesuatu bangsa dan peradaban (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1997 : 10). Ilmu merupakan elemen terpenting yang memangkinkan usaha manusia untuk melakukan penelitian, pengkajian dan menghasilkan penemuan baru. Pencapaian-pencapaian ini perlu dalam usaha membangunkan kembali kegembilangan peradaban manusia.

Oleh itu prinsip Islam Hadhari yang keempat iaitu penguasaan ilmu pengetahuan merupakan satu tindakan dan gesaan yang dirasakan kena pada masanya kerana kita sewajarnya bukan lagi menjadi pengguna tetapi pencipta dan bukan lagi dipimpin tetapi memimpin dalam segala bidang. Keadaan ini hanya boleh berlaku jika kita menguasai semua bidang yang berkaitan dengan ilmu.

## 5. Pembangunan Ekonomi Yang Seimbang Dan Komprehensif

Prinsip Islam Hadhari yang kelima adalah untuk mewujudkan ekonomi yang komprehensif dan seimbang kepada umat Islam. Islam mengakui hakikat yang berlaku iaitu di kalangan manusia itu terdapat golongan yang miskin dan yang kaya. Agama Islam telah berusaha untuk mengatasi kemiskinan dan cuba menghalang agar kemiskinan ini tidak merendahkan atau menghinakan orang yang sedemikian.

Sehubungan dengan itu, kita lihat prinsip kelima Islam Hadhari menekankan perlu pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif. Penekanan terhadap pembangunan ekonomi adalah perlu dalam usaha untuk memajukan negara. Dalam konteks pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif ini, kita dapat kerajaan berusaha untuk menggabungkan kepada usaha memantapkan amalan ekonomi yang berakhlik dengan kemampuan melaksanakan aktiviti ekonomi secara berkesan sesuai dengan perkembangan ekonomi dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Usaha-usaha pembangunan yang seimbang itu dirasakan berupaya untuk membasmi kemiskinan di samping memperkuuhkan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat (Mohd. Nasir Omar, 1986 : 81). Strategi yang dilakukan dalam usaha ini dirasakan mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan dan stabil. Jelas sekali bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah suatu pendekatan yang komprehensif di mana dengan adanya pencapaian pembangunan ekonomi negara mampu mewujudkan sebuah masyarakat yang bertamadun dan progresif.

## **6. Kehidupan Berkualiti**

Peningkatan kualiti kehidupan yang lebih sempurna berbanding sebelumnya dan seterusnya terhasil dengan peningkatan jangka hayat penghidupan yang lebih stabil dan panjang merupakan salah satu daripada ciri-ciri asas peradaban. Oleh yang demikian bagi melahirkan satu masyarakat yang mempunyai kehidupan yang bernilai dan berkualiti, prinsip Islam Hadhari yang keenam iaitu penekanan kepada kehidupan berkualiti dirasakan satu tindakan yang dilakukan tepat pada masanya.

Islam pada permulaannya memang memberi tumpuan yang penting kepada pencapaian kehidupan masyarakat secara berkualiti dan penuh kesempurnaan. Mencapai tahap kehidupan yang berkualiti dalam semua aspek keperluan adalah matlamat utama agama demi memelihara kesejahteraan dan peraturan-peraturan hidup (Sulaiman Nordin, 1995 : 28). Bahkan Islam menuntut semoga setiap individu berusaha menguasai ilmu dan kemampuan untuk berjaya dalam kehidupan di dunia. Ini kerana kehidupan akhirat adalah hasil daripada kemampuan individu melaksanakan kehidupan yang berkualiti dari semua aspek termasuk aspek kerohanian, fizikal dan kebendaan semasa di dunia.

Kehidupan berkualiti akan dicapai melalui kejayaan negara memenuhi keperluan kehidupan asasi seperti memelihara amalan beragama, kemampuan memajukan taraf pendidikan, menghayati kehidupan yang aman, hak memiliki harta dan jaminan kepada generasi masa hadapan yang cemerlang (Mohd. Nakhaie Ahmad, 2003 : 110). Bermula dengan pencapaian keperluan asasi tersebut kualiti kehidupan mengikut Islam tidak bersifat statik, malah usaha untuk meningkat maju dalam semua aspek tersebut perlu diusahakan dan dijayakan dari semasa ke semasa semoga tahap pencapaiannya setanding dengan masyarakat dan negara maju. Dengan adanya prinsip keenam iaitu kehidupan berkualiti yang dilaksanakan menerusi pendekatan Islam Hadhari, kita dapat kualiti hidup masyarakat dari kesemua aspek akan dibangunkan secara bersepudu dan sekaligus menjamin kelangsungan peradaban.

## **7. Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti Dan Wanita**

Persoalan mengenai hak kumpulan minoriti dan wanita merupakan unsur yang amat penting dalam perkembangan sesebuah peradaban (Abd. Aziz Mohd. Zin, 2001 : 132). Ini kerana golongan minoriti dan wanita juga berperanan dalam menyumbang kepada kemajuan dan kelangsungan peradaban. Misalnya Islam begitu menitikberatkan persoalan wanita dan keluarga kerana kelahiran agama Islam menjadikan wanita sebagai penggerak dalam menuju keagungan Islam dengan melahirkan manusia-manusia gagah untuk mempertahankan kebenaran dan membasmikan kemungkar. Pembelaan hak-hak wanita merupakan salah satu prinsip dalam Islam Hadhari dan penekanan ini diambil bertujuan untuk membela nasib dan hak-hak wanita yang dinafikan memimpin, mentadbir dan mengurus kerana perkara ini tidak pernah dilarang oleh Allah s.w.t dalam al-Quran dan al-Hadith.

Pendekatan Islam Hadhari memberi kemuliaan dan hak kepada setiap individu tanpa diskriminasi, sama ada sebagai kumpulan majoriti atau minoriti dan hak-hak mereka dijamin oleh undang-undang negara. Jaminan tersebut meliputi nyawa, agama, harta, kehormatan dan akal (Abd. Aziz Mohd. Zin, 2001 : 29). Kesan daripada jaminan tersebut meletakkan kumpulan minoriti dan wanita dapat menikmati apa jua yang dinikmati oleh kumpulan majoriti dan lelaki. Mereka berhak untuk turut sama dalam pembangunan negara dan menikmati apa jua yang dinikmati oleh kaum-kaum lain. Mereka boleh menyertai dalam pentadbiran negara dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, pendidikan, agama dan politik. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita seperti mana yang dinyatakan sebagai prinsip ketujuh dalam Islam Hadhari membuktikan kerajaan sedar bahawa golongan ini berupaya menyumbang ke arah kemajuan dan sekaligus memastikan kelangsungan peradaban.

## **8. Keutuhan Budaya Dan Moral**

Selalunya apabila sesebuah negara menjadi kaya dan maju, nilai-nilai moral dan kerohanian yang menjadi pembimbing kemajuan di peringkat permulaan dilupakan. Ibnu Khaldun berpendapat bahawa apabila masyarakat menjadi kaya, ikatan moral tidak dapat tidak akan menjadi lemah. Satu daripada punca mengapa ini berlaku ialah kerana nilai-nilai moral dan kerohanian kadangkala diganti dengan keutamaan lain. Ia tidak lagi menjadi kuasa yang berpengaruh dalam masyarakat. Pernah dikatakan bahawa satu-satu bangsa akan bertahan selagi nilai-nilai etikanya dapat dipertahankan dan runtuhan bangsa tersebut jika nilai-nilai etikanya tidak lagi dapat dipertahankan. Itulah sebabnya kita ingin

mewujudkan masyarakat yang benar-benar bermoral dan beretika yang dilindungi oleh standard nilai-nilai etika yang tinggi dan kita perlu memastikan bahawa ianya kekal sebagai nilai yang teragung.

Sesungguhnya keutuhan budaya dan moral merupakan salah satu daripada pendekatan dalam gagasan Islam Hadhari. Pihak kerajaan melalui pendekatan ini bertujuan untuk memerangi masalah moral dan sosial yang melanda masyarakat kita yang semakin hari semakin membimbangkan. Oleh itu dengan prinsip Islam Hadhari yang kelapan iaitu keutuhan budaya dan moral, maka konsep akhlak dan budaya Islam akan digunakan dalam pendekatan ini agar setiap masalah moral masyarakat dapat diatasi dan diperbaiki.

Satu daripada prinsip ketamadunan sesuatu bangsa dan negara ialah wujudnya keutuhan budaya dan ketinggian moral sebagai identiti negara tersebut. Nilai-nilai murni yang wujud pada masyarakat sudah pasti menggalakkan kecintaan kepada ilmu dan nilai-nilai murni yang lain seperti kreativiti, ketekunan, kerajinan, berdisiplin dan sebagainya. Dalam usaha memajukan negara, kepelbagaiannya budaya dan agama perlu dipertahankan berdasarkan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur. Penghayatan nilai-nilai akhlak yang tinggi dan mulia akan menjamin kesejahteraan, keharmonian dalam masyarakat majmuk dan seterus kelangsungan peradaban.

#### **9. Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Semula Jadi**

Kehidupan manusia tidak terbatas hanya kepada hubungan sesama manusia, tetapi juga hubungan manusia dengan alam sekitar. Dalam erti kata lain, kesejahteraan yang dinikmati oleh manusia adalah akibat daripada kehidupan yang sejahtera antara sesama manusia dengan alam sekitar. Dalam proses pembangunan, manusia mempunyai kecenderungan untuk menguasai dan mengeksploitasi alam sekitar secara berlebihan dengan menggunakan sains dan teknologi. Kesannya keseimbangan alam semula jadi tidak dapat dikekalkan. Peristiwa tanah runtuh, banjir kilat, pemanasan global, ribut taufan, hujan asid, pencemaran udara, air dan darat sebagainya menyumbang kepada ketidakstabilan eko-sistem kesan dari aktiviti manusia.

Jika ini berlaku maka kemerosotan dan keruntuhan peradaban boleh berlaku kerana salah satu faktor yang boleh meruntuhkan peradaban ialah apabila berlakunya bencana alam. Oleh itu kerajaan menyedari betapa perlunya kita memelihara dan memulihara alam semula jadi. Prinsip Islam Hadhari yang kesembilan iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi merupakan satu usaha kerajaan menyeimbangi pembangunan negara dengan usaha-usaha keprihatian memelihara dan memulihara alam sekitar yang berkualiti. Kerajaan secara berterusan menitikberatkan kesepadan nilai-nilai alam sekitar dengan kehidupan bagi memastikan pembangunan ekonomi dan sosial yang mapan. Dalam erti kata lain pembangunan dapat diteruskan tanpa mencemar kualiti alam sekitar (Nazaruddin Mohd. Jali, 2001 : 355).

Keprihatian terhadap alam sekitar terus diterapkan kepada rakyat negara kita kerana kesedaran dan iltizam yang ada pada setiap rakyat Malaysia untuk memelihara dan memulihara alam sekitar secara berterusan menjadi tanggungjawab yang menyumbang ke arah pembangunan negara. Warisan alam semulajadi dan sumber asli merupakan harta yang tidak ternilai harganya dan pengurusan yang berkesan amat penting bagi memastikan Malaysia sebagai negara yang sejahtera walaupun pesat membangun. Jika ini berlaku, kita bukan sahaja hidup dalam keadaan yang aman dan sejahtera tetapi juga dapat memastikan kelangsungan peradaban manusia.

#### **10. Kekuatan Pertahanan Dan Perpaduan**

Sesebuah peradaban itu berupaya mengekalkan kesinambungannya adalah disebabkan faktor kekuatan pertahanan dan perpaduan yang ada. Ini kerana tanpa kekuatan pertahanan, peradaban itu dengan mudah dapat dihancurkan dan dimusnahkan dari luar. Sementara itu tanpa perpaduan yang utuh dan kukuh, peradaban itu boleh merosot dan runtuh akibat pergolakan yang timbul dan wujud dari dalam peradaban itu sendiri. Oleh itu kita dapat konsep pertahanan merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi dalam masyarakat bertamadun sama ada dahulu maupun pada hari ini (Mahayudin Yahaya, 1998 : 200).

Oleh itu prinsip terakhir Islam Hadhari iaitu kekuatan pertahanan dan perpaduan merupakan satu prinsip yang boleh menjamin kelangsungan peradaban. Dengan adanya kekuatan pertahanan dan perpaduan, kita dapat mengekalkan kemerdekaan dan keagungan peradaban yang kita bina selama ini. Prinsip ini dianggap penting kerana negara kita didiami dan dikongsi oleh pelbagai kaum. Dalam masyarakat majmuk seperti negara kita, perpaduan merupakan satu keperluan yang amat penting

dalam menjamin rakyatnya hidup dalam keadaan aman dan damai serta pembangunan dapat dilaksanakan dan dicapai.

Salah satu faktor yang menyebabkan sesebuah peradaban itu maju dan berkembang ialah adanya sikap toleransi sama ada masyarakat di dalam peradaban itu sendiri mahupun dengan masyarakat di luar peradaban itu. Dalam konteks Malaysia, sikap bertolak ansur dan bertoleransi amat penting bagi menjamin perpaduan dan kestabilan hubungan antara kaum dan sekaligus kelangsungan peradaban. Negara-negara yang rakyatnya saling bersengketa, berkonflik dan bermusuhan telah memberikan kita satu pengajaran bahawa negara yang kucar-kacir dan tidak aman tidak akan menguntungkan sebarang pihak, sebaliknya ianya bukan sahaja boleh menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat tetapi juga memberi ruang kesempatan kepada pihak luar dari peradaban lain untuk mengambil kesempatan.

### Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ringkas di atas adalah jelas bahawa Islam Hadhari merupakan satu konsep yang berasaskan kemajuan dalam usaha meningkatkan kehidupan yang bertamadun. Islam Hadhari berkaitan dengan peradaban dalam dua aspek iaitu pertama yang bersifat kerohanian dan yang kedua yang bersifat kebendaan. Islam Hadhari menuntut kedua-dua aspek tersebut ditegakkan dan dilaksanakan. Ini kerana kedua-dua aspek peradaban iaitu kerohanian dan kebendaan wajar diseimbangkan demi kelangsungan peradaban.

Jika kita teliti dengan lebih terperinci sepuluh prinsip Islam Hadhari dalam kerangka peradaban, kita dapat kerajaan di bawah kepimpinan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengambil langkah bijak dengan memperkenalkan Islam Hadhari yang menekankan kepada kestabilan kemajuan peradaban dan dalam masa yang sama telah mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha mengekalkan kelangsungan peradaban bila mana sebahagian daripada prinsip Islam Hadhari tersebut menjurus kepada pengekalan peradaban daripada kemerosotan. Oleh itu tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sepuluh prinsip Islam Hadhari tersebut menepati faktor-faktor sama ada dalam usaha memperkembangkan dan memajukan peradaban mahupun pengawalan dan pencegahan daripada kemerosotan dan kemunduran peradaban.

Dalam masa yang sama sekiranya kesemua prinsip tersebut dilaksanakan dengan penuh kesungguhan, ianya akan menjadi suatu pendekatan anjakan paradigma. Ini kerana prinsip-prinsip tersebut memberi penekanan kepada aspek pembangunan dalam peradaban manusia yang memfokuskan kepada usaha-usaha mempertingkatkan mutu kehidupan yang diterap melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan serta pembangunan fizikal. Pendekatan secara holistik dan realistik ini yang memberi penekanan kepada nilai-nilai pembangunan sejagat diharap dapat membangkitkan kesedaran baru kepada masyarakat negara kita demi menjamin kelangsungan peradaban manusia.

### Bibliografi

- Abd. Aziz Mohd. Zin et. al.. 2001. *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Siddik. 1994. *Islam Dan Ilmu Pengetahuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Hasbullah. 1993. *Perkembangan Tamadun Islam Abad Pertengahan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Azharudin Mohd. Dali et. al.. 2000. *TITAS 1*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Azizan Baharuddin. 1986. *Pengenalan Tamadun Islam Di Andalusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

- Mahayudin Yahaya. 1998. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohd. Nakhaie Ahmad. 2003. *Islam Dari Perspektif Ketamadunan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Mohd. Nasir Omar (ed.). 1986. *Tamadun Islam Dan Ideologi-ideologi Masa Kini*. Kuala Lumpur: Penerbitan Nadhi.

Nazaruddin Mohd. Jali et. al. 2001. *Pengajian Malaysia: Kenegaraan Dan Kewarganegaraan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Sulaiman Nordin. 1995. *Islam, Al-Quran Dan Ideologi Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.